

23 FEB 2003

Mahathir-Aman

BARAT KINI GUNAKAN KETENTERAAN JAJAH DUNIA, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 23 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini berkata negara Barat kini ingin mengembalikan penjajahan dunia melalui kuasa ketenteraan.

Perdana Menteri berkata mereka menggunakan cara itu untuk menakluk negara-negara lemah setelah pendekatan tekanan ekonomi gagal.

"Mereka hanya tunggu alasan dan sebab untuk menjajah semula," katanya pada Perhimpunan Keamanan Rakyat Malaysia yang dihadiri lebih 200,000 peserta di Stadium Nasional Bukit Jalil, di sini.

Kejadian 11 Sept, 2001 dijadikan alasan bagi mereka untuk menakluk dan menjajah dunia, katanya.

Beliau yakin Iran dan Korea Utara, dua negara selain daripada Iraq yang dikatakan menjadi "paksi kejahatan" oleh Amerika Syarikat, akan diserang jika Iraq berjaya ditewaskan dalam peperangan.

Beliau berkata adalah jelas bahawa kuasa barat ingin menakluk dunia kerana mereka tidak pernah menyatakan hasrat untuk menyerang sebuah negara lain selepas Afghanistan.

"Dahulu tak kata lepas Afghanistan, akan serang Iraq. Apabila berjaya menyerang Afghanistan baru mereka nak beralih ke negara lain," katanya.

Dr Mahathir berkata kuasa besar ingin menukar kerajaan kepada yang akan mengikut telunjuk dan bersekongkol dengan mereka.

Malaysia, katanya, tidak bersetuju dengan cubaan menukar kerajaan negara-negara yang bebas dan merdeka dengan cara ketenteraan kerana rakyat sebenarnya yang berhak menentukan kerajaan sendiri.

Ini kerana walau bagaimana zalim sekalipun sesebuah kerajaan itu, lambat laun ia akan jatuh, baik secara demokrasi mahupun dengan cara yang lain kerana rakyat tidak akan membiarkannya berkekalan, katanya.

"Kita bukan marah dengan negara maju. Kita ingin bekerjasama dengan mereka tetapi kalau mereka berbuat salah, menjadi hak dan tanggungjawab kita (untuk) menyuarakan tentangan," katanya.

Dr Mahathir berkata Malaysia tidak bersetuju dengan tindakan unilateral untuk menyelesaikan sesuatu konflik tetapi sebaliknya menyokong pendekatan multilateral.

Katanya, jika sesebuah negara merujuk kepada kuasa ketiga untuk menyelesaikan masalah mereka tetapi tidak sanggup menerima keputusan kuasa ketiga itu, ia tidak akan memberi sebarang makna.

Beliau membidas tindakan kuasa-kuasa besar yang berdegil untuk meneruskan juga peperangan ke atas Iraq walaupun tanpa restu Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).

Katanya, kuasa-kuasa besar itu hanya mahu menerima keputusan yang memihak pada mereka sahaja.

"Apa makna rule of law. Saya rayu kuasa-kuasa besar supaya berfikir, jangan angkuh dan tidak menghiraukan suara rakyat sendiri (dan) suara dunia melalui Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu," katanya.

Beliau berkata seseorang itu sanggup menjadi pengebom berani mati kerana merasakan masalah di Palestin tidak dapat diselesaikan melalui meja rundingan setelah dunia enggan mendengar masalah wilayah Palestin yang dicerobohi Israel serta nasib rakyat negara itu yang ditindas dan dizalimi rejim Zionis.

"Inilah punca keganasan. Jika sesiapa merasa takut dengan penganas, ingatlah sama dengan rakyat Iraq dan Palestin yang dalam ketakutan kerana perbuatan ganas negara luar," katanya.

Dr Mahathir berkata penyelesaian berada dalam tangan kuasa besar jika mereka menghentikan usaha mendominasi dunia.

"Tolonglah hormati kebebasan dunia. Janganlah guna peperangan dalam usaha anda untuk mendominasi. Jangan melanggar hak asasi manusia (dan) menyembelih ramai orang untuk mencapai objektif anda. Berilah peluang kepada keamanan.

"Tolong jangan hormati hak rakyat anda sahaja kerana orang lain pun mempunyai hak," katanya.

Dr Mahathir berkata Malaysia akan menyertai semua pihak yang mencitai keamanan di seluruh dunia untuk menyelesaikan masalah itu.

Perbuatan membunuh manusia untuk mencapai sesuatu objektif merupakan tindakan tidak bertamadun seperti zaman batu, tambahnya.

-- BERNAMA

JM AZH MFJ MOZ